

08 AUG 2003

DR MAHATHIR BERGEGAS PULANG UNTUK SAMBUT MALIK MYDIN

KOTA KINABALU, 8 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memberikan motivasi kepada rakyat Malaysia agar mencatatkan kejayaan cemerlang, bergegas pulang ke ibu negara petang ini untuk menyambut kepulangan perenang maraton negara Abdul Malik Mydin.

Malik, 28, membanggakan Malaysia dengan kejayaannya berenang merentasi selat yang paling mencabar di dunia minggu lepas -- Selat Inggeris.

Beliau mencatatkan 17 jam 35 minit meliputi jarak 58 kilometer atau yang bersamaan dengannya untuk berenang merentasi selat itu dan kembali semula.

Selepas melayani beberapa soalan daripada anggota media semasa sidang akhbar pada akhir lawatan rasmi seharusnya ke Sabah hari ini, Dr Mahathir memberitahu mereka bahawa beliau perlu bergegas pulang untuk menyambut ketibaan Malik.

"Terima kasih, saya perlu cepat sebab Malik akan tiba dan saya mahu berjumpa dengannya," kata beliau.

-- BERNAMA

JS ROS